



PUTRA TRAIL RUNNING CLUB

KELAB PELARI DENAI PUTRA

NO. 2, LOT 01, GROUND FLOOR, JALAN SENA INDAH, TAMAN SENA INDAH, 01000, KANGAR, PERLIS.
No. Tel: 019-474 0729 / 012-206 7271 | Email: putrainingclub@gmail.com

108/2022/PTRC
29th OKTOBER 2022

KETUA PENGARAH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Jalan Sultan, Pjs 52,
46200 Petaling Jaya,
Selangor.

Yang Berbahagia Dato',

MEMOHON KERJASAMA UNTUK PENGANJURAN ACARA NAKAWAN ULTRA 2022

Acara larian tersebut di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Putra Trail Running Club (PUTRA) dan MEP Ventures Sdn Bhd akan mengadakan acara NAKAWAN ULTRA. Acara ini ialah aktiviti larian denai jarak jauh yang akan melibatkan penyertaan peserta dari dalam dan luar negara. Acara ini adalah anjuran bersama Kerajaan Negeri Perlis dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia.

2. Acara NAKAWAN ULTRA akan mempromosikan tempat-tempat yang menarik di sekitar Negeri Perlis khususnya di kawasan Eko Pelancongan Sungai Batu Pahat kepada pelancong dan turut membantu membangunkan ekonomi setempat di sekitar Bandar Kangar, Bintong, Abi, Sungai Batu Pahat, Padang Melangit dan Beseri. Penduduk setempat juga akan terlibat dalam penganjuran sebagai krew dan penyediaan hospitaliti kepada para peserta. Objektif penganjuran ini adalah untuk meningkatkan ekonomi penduduk setempat dan mempromosikan eko pelancongan Perlis.

3. Maklumat acara adalah seperti berikut. (Maklumat terperinci dalam lampiran)

- Acara : NAKAWAN ULTRA 2022
- Tarikh : 9 & 10 Disember 2022
- Lokasi : Kompleks Eko Pelancongan, Sungai Batu Pahat, Perlis
- Laluan : Laluan denai di banjaran Nakawan dan kawasan kampung.
- Anggaran Peserta : 1000 orang
- Anggaran Pengunjung : 2000 orang



4. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato', Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara pernah sama-sama bekerjasama menjayakan aktiviti larian pada tahun 2019 dalam mempromosi " I LOVE PRODUCTIVITY " di Perlis khususnya menyampaikan mesej kepada lapisan masyarakat yang aktif dalam sukan larian.
5. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato' juga, Pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) juga pernah menganugerahkan Productivity Champion kepada penganjur dan melakukan kerjasama dalam mempromosi Productivity di Negeri Perlis khususnya .
6. Dengan segala hormatnya, pihak kami ingin memohon sumbangan dalam pelbagai bentuk yang sesuai seperti menyediakan makanan, bahan promosi, cenderahati dan hadiah kepada peserta yang menyertai bagi menampung segala keperluan peserta dan pengurusan acara tersebut, mengikut kesesuaian daripada pihak Yang Berbahagia Dato'.
7. Oleh itu,kami mengharapkan maklum balas daripada Yang Berbahagia Dato' sebelum 12 November 2022 agar kami dapat membuat persediaan dan menjalankan kerja-kerja publisti untuk pihak yang menyumbang.

Segala perhatian dan tindakan kami dahulukan dengan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



KU HASRIN BIN KU ABDUL RAHMAN
SETIAUSAHA
Putra Trail Running Club (PUTRA)